

## SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Buku ini diterbitkan sebagai satu usaha untuk memberi pendedahan mengenai sosioekonomi pekebun kecil industri sawit Malaysia dengan memberi penumpuan kepada adaptasi pekebun kecil sawit terhadap cabaran sosioekonomi dan perladangan lestari serta turut membincangkan faktor yang mempengaruhi sosio-ekonomi pekebun kecil dalam industri sawit Malaysia. Buku ini juga membincangkan strategi transformasi kesejahteraan pekebun kecil sawit, strategi pelonjakan pembangunan belia pekebun kecil sawit melalui keterlibatan mereka dalam perladangan lestari dan kepentingan akhbar digital sebagai alat sosialisasi pengusaha sawit juga turut dibincangkan. Pengeluaran kelapa sawit daripada pekebun kecil mempunyai nilai masa depan daripada segi kelestarian dan kredibiliti. Justeru itu, penguatkuasaan peranan pekebun kecil khususnya dalam meningkatkan produktiviti melalui cara yang mampan adalah penting. Diharapkan isu-isu yang dibincangkan dan cadangan yang terkandung dalam dalam buku ini akan menjadi sumber rujukan kepada masyarakat dan penyidik serta dapat membantu dalam penggubalan dasar serta polisi berkaitan dengan kemampanan sosioekonomi pekebun kecil industri sawit pada masa akan datang.

NORADIVA HAMZAH (PhD) merupakan Profesor Madya di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau adalah penerus Pusat Kajian Kautuhan Tadbir urus dan Akauntabiliti. Kajian beliau menghusus dalam bidang pelaporan modal intelek, tadbir urus dan pelaporan kelestarian. NORLIDA HANIM MOHD SALLEH (PhD) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM. Beliau menghusus dalam ekonomi pelancongan dan ekonomi sumber. NORLIN KHALID (PhD) merupakan Profesor Madya di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM dan juga Pengurus Kursi Endowmen MPGB-UKM. Bidang penyelidikan beliau meliputi ekonomi makro dan ekonometrik guna. KAMALRUDIN MOHAMED SALLEH berkhidmat di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Beliau menghusus dalam bidang ekonomi perdagangan melibatkan produk-produk sawit dan minyak pesaing lain, sistem percukaian industri sawit Malaysia serta dasar-dasar kerajaan berkaitan industri sawit di Malaysia.



www.ukm.my/penerbit

SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL INDUSTRI SAWIT MALAYSIA


ISBN 978-9953-0-1000-0



# SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

disunting oleh  
NORADIVA HAMZAH  
NORLIDA HANIM MOHD SALLEH  
NORLIN KHALID  
KAMALRUDIN MOHAMED SALLEH

**SOSIOEKONOMI  
PEKEBUN KECIL  
INDUSTRI  
SAWIT  
MALAYSIA**



**SOSIOEKONOMI  
PEKEBUN KECIL  
INDUSTRI  
SAWIT  
MALAYSIA**

*disunting oleh*

**NORADIVA HAMZAH  
NORLIDA HANIM MOHD SALLEH  
NORLIN KHALID  
KAMALRUDIN MOHAMED SALLEH**

**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2023  
[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)**

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2023  
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)  
e-mel: [penerbit@ukm.edu.my](mailto:penerbit@ukm.edu.my)

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /  
*MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL*  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
*MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION*  
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD  
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

# Kandungan

---

*Senarai Jadual & Rajah ... 9*

*Prakata ... 13*

- BAB 1 Faktor Pemangkin Sosio-Ekonomi Pekebun Kecil Industri Sawit Malaysia ... 15  
*Noradiva Hamzah, Norlida Hanim Mohd Salleh, Norlin Khalid dan Kamalrudin Mohamed Salleh*
- BAB 2 Adaptasi Pekebun Kecil Sawit terhadap Cabaran Sosioekonomi ... 27  
*Siti Dina Razman Pahri, Wai Yan Cheah, Er Ah Choy*
- BAB 3 Transformasi Kesejahteraan Pekebun Kecil Persendirian Sawit melalui Keterlibatan dalam Perladangan Industri ... 37  
*Nurul Atiqah Mohd Suib, Norlida Hanim Mohd Salleh, Noradiva Hamzah, Md Shafiqin Shukor, Khairuman Hashim, Kamalrudin Mohamed Salleh & Norlin Khalid*
- BAB 4 Pembangunan Komuniti Lestari dalam Industri Sawit di Malaysia ... 57  
*Nur Zahirah Iqlimaa binti Mohd Ali, Nurul Amirah binti Ramli & Shifa Mohd Nor*
- BAB 5 Ke Arah Pembangunan Komuniti Lestari dalam Industri Sawit: Kajian Kes di Felda Trolak dan YPPH Pekan ... 71  
*Nurul Nadhirah binti Atan, Siti Sattariah binti Shihemmi & Shifa Mohd Nor*

- BAB 6 Peranan Keluarga dan Komuniti dalam Meningkatkan Produktiviti Pekebun Kecil Kelapa Sawit ... 87  
*Noordeyana Tambi & Ummu Liyana Halim*
- BAB 7 Juara Lokal sebagai Strategi Pelonjakan Pembangunan Pekebun Kecil Sawit Belia di Malaysia ... 98  
*Jalaluddin Abdul Malek, Rabeah Adawiyah Baharudin, Rozan Mohamad Yunus & Zurinah Tahir*
- BAB 8 Strategi Meningkatkan Pengeluaran Sawit dalam Kalangan Pekebun Kecil Sawit (PKS) ... 112  
*Kwok Chin Hoe, Azlina Abdullah, Sarmila Md Sum & Mohamad Arfan Johari*
- BAB 9 Peranan Sektor Korporat terhadap Pembangunan Kualiti Kehidupan Pekebun Kecil Sawit ... 121  
*Naziatul Aziah Mohd Radzi, Normaizatul Akma Saidi & Suziana Hasan*
- BAB 10 Kajian Tinjauan Permasalahan Keciciran Pelajaran Anak-anak Peneroka Felda Akibat Pandemik Covid-19 ... 137  
*Dr. Noor Dzuhaidah Osman & Syahirah Abdul Shukor*
- BAB 11 Isu dan Cabaran Pelaporan Maklumat Alam Sekitar Pekebun Kecil Industri Sawit Malaysia ... 161  
*Maizatulakma Abdullah, Mohamat Sabri Hassan & Ahmad Monir Abdullah*

BAB 12 Akhbar Digital sebagai Alat Sosialisasi

Pengusaha Sawit ... 172

*Noviatin Syarifuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd. Nor*

*Shahizan Ali, Fatin Umaira Muhamad Azian & Suhana Ismail*

*Rujukan ... 191*

*Senarai Penyumbang ... 219*

*Indeks ... 225*





## Senarai Jadual & Rajah

---

JADUAL 1.1	Perbezaan antara RSPO dan MSPO ...	20
JADUAL 1.2	Skim bantuan pekebun kecil sawit ...	22
JADUAL 1.3	Skim bantuan pekebun kecil sawit oleh MPOB ...	23
JADUAL 3.1	10 Faedah MSPO ...	40
JADUAL 3.2	Hubungan antara komponen dan APB ...	45
JADUAL 3.3	Hubungan antara APB dan produktiviti ...	46
JADUAL 3.4	Nilai min konstruk kesejahteraan ...	50
JADUAL 3.5	Tahap kesejahteraan ...	51
JADUAL 3.6	Indeks kesejahteraan ...	52
JADUAL 3.7	Hubungan produktiviti dan kesejahteraan ...	54
JADUAL 9.1	Perangkaan utama estet kelapa sawit 2016 – 2019 ...	122
JADUAL 9.2	Jumlah keluasan hektar tanaman kelapa sawit 2015 – 2019, Malaysia ...	124
JADUAL 9.3	Inisiatif CSR dalam kalangan sektor korporat di Malaysia ...	129
JADUAL 11.1	Bilangan pelesen pekebun kecil di Malaysia pada tahun 2021 ...	164
JADUAL 12.1	Elemen komunikasi pemasaran dari segi produk sawit dalam akhbar digital ...	179
JADUAL 12.2	Elemen komunikasi pemasaran dari segi harga sawit dalam akhbar digital ...	182
JADUAL 12.3	Elemen komunikasi pemasaran dari segi tempat sawit dalam akhbar digital ...	184
JADUAL 12.4	Elemen Komunikasi Pemasaran dari segi Promosi Sawit dalam Akhbar Digital ...	187

- RAJAH 1.1 Prinsip pensijilan MSPO ... 21
- RAJAH 2.1 Pemerkasaan aktiviti pengembangan untuk peningkatan sosioekonomi PKS ... 30
- RAJAH 2.2 Rangkaian asas pengeluaran minyak sawit ... 33
- RAJAH 2.3 Empat elemen penting dalam adaptasi dan survival cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh PKS ... 35
- RAJAH 3.1 Sembilan (9) kategori APB ... 41
- RAJAH 3.2 Amalan pertanian yang baik (APB) sebagai alat peningkatan produktiviti ... 47
- RAJAH 3.3 Hubungan produktiviti dan kesejahteraan ... 54
- RAJAH 6.1 17 Petunjuk bagi matlamat pembangunan mampan (SDG), 2018 ... 89
- RAJAH 7.1 Kesyukuran Juara Lokal ... 101
- RAJAH 10.1 PKP di enam negeri ... 143
- RAJAH 10.2 Maklumat asas wilayah FELDA di Malaysia ... 149
- RAJAH 12.1 Saluran informasi digital pengguna Malaysia ... 175
- RAJAH 12.2 Tinjauan manfaat pemasaran dalam media sosial ... 177
- RAJAH 12.3 Akhbar digital bertajuk *produk minyak sawit lestari keluaran Malaysia mula dijual di Dubai* ... 180
- RAJAH 12.4 Akhbar digital bertajuk *tetapkan harga lantai buah tandan segar sawit* ... 183
- RAJAH 12.5 Akhbar digital bertajuk *JAS siasat syarikat bangun ladang sawit tanpa EIA* ... 185
- RAJAH 12.6 Akhbar digital bertajuk *kementerian dan pihak berkepentingan bincang pelan lima tahun promosi minyak sawit* ... 187
- GAMBAR 1.1 Penulis bersama Pegawai TUNAS dan PKP berada di hadapan reban ayam kampung di Sabah ... 25

- GAMBAR 1.2 Ternakan ayam kampung oleh PKP di Sabah hasil daripada skim insentif integrasi ternakan dengan sawit (ITe) ... 25
- GAMBAR 1.3 Ternakan itik penelur oleh PKP di Sarawak hasil daripada skim insentif integrasi ternakan dengan sawit (ITe) ... 26
- GAMBAR 10.1 Gerbang pintu masuk ke rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 144
- GAMBAR 10.2 Papan tanda rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 145
- GAMBAR 10.3 Pejabat pentadbiran rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 145
- GAMBAR 10.4 Gerbang pintu keluar dari rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 146
- GAMBAR 10.5 Sebahagian rumah penempatan penduduk rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 147
- GAMBAR 10.6 Sebahagian rumah penempatan penduduk rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 147
- GAMBAR 10.7 Sebahagian rumah penempatan penduduk rancangan FELDA (gambar ehsan peneroka FELDA) ... 148
- GAMBAR 10.8 Kelas di Sekolah FELDA yang mempunyai TV Android (gambar Ehsan PIBG FELDA) ... 152
- GAMBAR 10.9 Program sekolah FELDA bersama masjid An Nur FELDA (gambar ehsan PIBG FELDA) ... 153
- GAMBAR 10.10 Tabung pendidikan anak-anak FELDA (gambar ehsan PIBG FELDA) ... 153
- GAMBAR 10.11 Tabung anak-anak yatim FELDA (gambar ehsan PIBG FELDA) ... 154
- GAMBAR 10.12 Program anak-anak yatim FELDA (gambar ehsan PIBG FELDA) ... 154



## Prakata

---

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Atas limpahan kurnia-Nya, dapat buku ini disiapkan. Buku bersifat bacaan umum ini mampu difahami sama ada oleh pelajar, penyelidik, ahli akademik, mahupun para peladang dan pekebun kecil sawit. Bertemakan sosioekonomi pekebun kecil industri sawit Malaysia, buku ini mengupas sosioekonomi pekebun kecil sawit dengan mengupas adaptasi pekebun kecil sawit terhadap cabaran sosioekonomi, transformasi kesejahteraan pekebun kecil sawit melalui keterlibatan dalam perladangan lestari, pembangunan dan peranan keluarga dan komuniti pekebun kecil sawit, strategi pelonjakan pembangunan belia pekebun kecil sawit dan juga cabaran pelaporan maklumat alam sekitar pekebun kecil sawit di Malaysia. Kepentingan akhbar digital sebagai alat sosialisasi penguasa sawit juga turut dibincangkan.

Industri sawit merupakan penyumbang terpenting kepada keluaran dalam negara kasar bagi sektor pertanian Malaysia. Oleh itu, industri ini mampu meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi masyarakat Malaysia. Pekebun kecil memainkan peranan penting dalam industri kelapa sawit yang merupakan salah satu sektor utama yang menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sehingga kini, hampir 40% atau seluas 2.26 juta hektar daripada keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit di Malaysia diusahakan oleh seramai lebih kurang 680,000 orang pekebun kecil yang terdiri daripada pekebun kecil persendirian dan tersusun seperti FELDA, skim agensi kerajaan dan skim negeri, dan RISDA. Ini jelas menunjukkan industri sawit memberi kesan sosioekonomi yang besar kepada pekebun kecil dan mereka juga adalah penyumbang yang signifikan kepada ekonomi negara.

Pengeluaran kelapa sawit daripada pekebun kecil juga mempunyai nilai masa depan industri kelapa sawit dari segi kelestarian dan kredibiliti. Justeru itu, ianya perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas yang merangkumi keperluan sosial, kebajikan peluang ekonomi yang saling berkaitan dengan kebimbangan isu persekitaran. Oleh itu, pengukuhan peranan pekebun kecil khususnya dalam meningkatkan produktiviti melalui cara yang mampan adalah untuk mencapai keseimbangan

yang holistik. Banyak perhatian perlu diberikan terhadap kesejahteraan serta kemampuan pekebun kecil sawit. Ini kerana, pekebun kecil persendirian masih bergantung kepada sawit sebagai sumber pendapatan keluarga. Diharapkan perhatian yang diberikan oleh kerajaan dan badan berkepentingan dapat memantap dan melestarikan industri sawit dan mampu menjadi peneraju ekonomi pertanian Malaysia.

Akhir kata, ditekankan bahawa penulisan buku ini sangat bermakna bagi pengkaji dalam bidang ini serta mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau sebaliknya. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan misi penulisan buku ini. Penghormatan dan penghargaan ditujukan kepada semua penulis yang memberikan sumbangan bab yang dapat menjelaskan isu-isu berkaitan dengan sawit, kepada Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya Kursi Endowmen MPOB-UKM yang membiayai penyelidikan penulis, serta seterusnya membiayai penerbitan buku ini. Sebahagian daripada bab dalam buku ini telah dibiayai oleh geran penyelidikan antaranya adalah Bab 2 (EP-2019-046), Bab 3 (MPOB-UKM-2021-014), Bab 4 (MPOB-UKM-2021-008), Bab 6 (EP-2019-054), Bab 8 dan Bab 10 (EP-2019-049), Bab 9 (EP-2020-033), Bab 11 (MPOB-UKM-2020-006) dan Bab 13 (EP-2017-049 dan FRGS/1/2019/SS07/UKM/02/2) mengikut bidang tumpuan penyelidikan dan keperluan pembiayaan yang berbeza. Terima kasih juga kepada Penerbit UKM yang gigih sehingga terbitnya buku ini “Sosioekonomi Pekebun Kecil Industri Sawit Malaysia”.

Salam daripada meja editor,

*Noradiva Hamzah*

*Norlida Hanim Mohd Salleh*

*Norlid Khalid*

*Kamalrudin Mohamed Salleh*

## Bab 9

---

# Peranan Sektor Korporat Terhadap Pembangunan Kualiti Kehidupan Pekebun Kecil Sawit

Naziatul Aziah Mohd Radzi<sup>1</sup>, Normaizatul Akma Saidi<sup>2</sup>  
& Suziana Hasan<sup>3</sup>

<sup>1&3</sup>Pusat Kajian Lestari dan Pembangunan Inklusif,  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Hospitaliti Pelancongan dan Kesejahteraan,  
Universiti Malaysia Kelantan

## Pengenalan

Industri sawit di Malaysia adalah salah satu daripada bidang dalam sektor pertanian yang memberikan sumbangan tinggi kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain pertumbuhan ekonomi negara, industri ini juga telah memberikan sumbangan kepada pemeraksanaan ekkonomi dan sosial masyarakat tempatan yang telah menceburi bidang ini. Bermula dengan industri huluhan sehingga hiliran, serta perindustrian besar mahupun berskala kecil industri sawit telah menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Apabila menyentuh tentang pihak yang mengeluarkan mahupun yang memproses kelapa sawit, industri ini memiliki beberapa kumpulan ataupun skala entiti iaitu syarikat berskala besar dan pekebun kecil sawit. Namun begitu, kumpulan pekebun kecil sawit menghadapi cabaran tersendiri dalam memastikan mereka terus kekal berdaya saing menghadapi cabaran dalam industri ini. Melihat kepada kepentingan untuk mengatasi kemelut yang dihadapi oleh pekebun kecil, maka penulisan bab ini akan memfokuskan isu yang dihadapi oleh pekebun kecil serta bagaimana sektor korporat di Malaysia berperanan dalam membantu para pekebun kecil ini agar mereka



lebih maju, mapan dan terus berdaya saing dalam menghadapi situasi ketidakpastian pasaran komoditi utama. Perbincangan bab ini akan dimulai dengan perihalan industri sawit di Malaysia secara umum, kupasan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pekebun kecil sawit, perbincangan peranan sektor korporat dan huraian masa depan pekebun kecil sawit. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

## Industri Sawit di Malaysia

Industri sawit di Malaysia berperanan secara signifikan ke arah pertumbuhan ekonomi melalui sumbangan dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) negara. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara (DOSM), nilai tambah sektor kelapa sawit pada tahun 2021 adalah 35.2 peratus dan tertinggi berbanding sektor pertanian lain. Sungguhpun pengeluaran buah tandan segar (kelapa sawit) adalah yang tertinggi di dalam kalangan komoditi pertanian, namun pada tahun 2021, pengeluaran ini telah menurun sebanyak 5,575.6 ribu tan metrik iaitu 5.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (Laman Sesawang Jabatan Statistik Negara, 2023). Dalam aspek bilangan estet, keluasan bertanam, keluasan yang dituai menunjukkan trend yang meningkat. Walau bagaimanapun, trend yang sama tidak berlaku kepada hasil bagi per hektar dan harga purata penghantaran tempatan. Hal ini kerana angka telah menunjukkan trend yang tidak seimbang.

JADUAL 9.1 Perangkaan Utama Estet Kelapa Sawit 2016-2019

Tahun	Bilangan Estet	Keluasan Bertanam	Keluasan yang Dituai	Pengeluaran Buah Sawit	Hasil bagi per Hektar	Harga Purata Penghantaran Tempatan
		Hektar		Tan metrik		RM/Tan metrik
2016	5065	4804037	4108188	65361271	15.91	2653
2017	5116	4831387	4165416	72150706	17.89	2783
2018	5171	4869438	4221121	70188691	17.16	2232.5
2019	5119	4913826	4264705	71074571	17.19	2079

*Sumber:* Jabatan Perangkaan Malaysia

Sungguhpun negara pengeluar sawit utama di Asia dan Indonesia berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya kempen boikot produk berasaskan sawit di Eropah kerana industri sawit didakwa memberikan implikasi negatif ke atas alam sekitar melalui pembebasan karbon, kemusnahan biodiversiti hidupan liar, dan juga amalan buruh kanak-kanak (Hobbs et al., 2022). Selain itu, industri ini turut berhadapan dengan pelbagai kontroversi dan tuduhan berkaitan kesejahteraan pekerja. Namun begitu, permintaan terhadap produk sawit masih kekal relevan. Pernyataan ini dibuktikan melalui data yang ditunjukkan di jadual 1. Namun, sifat semula jadi komoditi adalah harga yang tidak konsisten dan menjadi cabaran kepada negara pengeluar minyak sawit untuk berhadapan dengan isu ini terutamanya untuk memastikan syarikat pengeluar sawit terus kekal berdaya saing meskipun menghadapi cabaran ini. Hal ini kerana industri sawit adalah komoditi strategik yang menjadi tunjang utama ekonomi melalui hasil eksport, cukai minyak sawit yang menyumbang kepada KNK negara (Appalanaidu et al., 2022). Dalam konteks lain, industri sawit berkepentingan sebagai pemangkin untuk membasmi kemiskinan, serta meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat melalui perolehan pendapatan hasil penglibatan mereka dalam industri ini (Aisyah & Mullyo, 2021).

## Isu Kualiti Kehidupan Pekebun Kecil Sawit

Secara umumnya, pekebun kecil sawit terbahagi kepada dua jenis yang berdasarkan kepada tahap pengurusan ladang, iaitu pekebun kecil bebas dan terurus. Kedua-dua jenis peladang memiliki keadaan yang agak berbeza, iaitu dalam aspek pengurusan kewangan dan amalan penanaman. Pekebun kecil yang terurus menerima bantuan dalam bentuk bimbingan, kaunseling serta peruntukan untuk harga jualan buah tandan segar. Pekebun kecil boleh bekerja secara bebas ataupun dalam kumpulan. Kebanyakan mereka diperlihatkan sebagai membiayai sendiri, terlibat secara langsung dalam urusan perladangan serta berurusan terus dengan operator kilang kelapa sawit yang telah mereka pilih dan ada ketikanya mereka sendiri memproses kelapa sawit di kilang milik mereka ataupun memproses secara manual oleh masyarakat tempatan.

JADUAL 9.2 Jumlah Keluasan Hektar Tanaman Kelapa Sawit 2015-2019, Malaysia

Tahun	Keluasan Bertanam (Hektar)		
	Jumlah Keluasan	Estet	Kebun Kecil
2015	5642943	4759939	883004
2016	5737985	4804037	933948
2017	5811145	4831387	979758
2018	5849330	4869438	979892
2019	5900157	4913826	986331

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Namun sebaliknya, peladang bebas pula menguruskan ladang mereka tanpa menerima bantuan daripada mana-mana pihak (Aisyah & Mulyo, 2021, Abu Bakar & Ishak, 2020). Applanaidu et al. (2021), menerusi kajian beliau mendapati kaum lelaki mendominasi pekebun kecil sawit manakala peratusan yang memiliki tahap pendidikan STPM dan ke atas adalah rendah. Majoriti daripada pekebun kecil ini juga telah berkahwin dan berkeluarga. Penglibatan para pekebun kecil ini telah menyumbang ke arah peningkatan kualiti hidup dan selari dengan usaha untuk mencapai matlamat pembangunan lestari (SDG) iaitu tiada kemiskinan, sifar kelaparan, pendidikan berkualiti dan mengurangkan jurang ketidaksamaan. Hasil daripada aktiviti penjualan sawit digunakan untuk menampung kehidupan keluarga para peladang. Mereka juga menerima galakan daripada kerajaan dan juga syarikat besar dalam perolehan pinjaman untuk menampung kos pembelian peralatan bagi aktiviti tanaman dan penuaian sawit seperti baja, racun dan kos pengangkutan (Abu Bakar & Ishak, 2022).

Peranan pekebun kecil kelapa sawit amat signifikan dalam mencapai matlamat SDG. Perladangan pekebun kecil telah memberi impak positif ke atas jaminan makanan, nutrisi dan juga menggalakkan pembangunan secara global. Proses rantai daripada penanaman, penuaian dan penghasilan minyak kelapa sawit menyediakan potensi yang besar ke arah pertumbuhan inklusif dan juga penciptaan peluang pekerjaan. Selain itu, pembabitan kumpulan *indigenous* dalam industri sebagai pekebun kecil memberi ruang kepada mereka untuk memperoleh pendapatan dan meningkatkan kualiti sosioekonomi, namun pada masa yang sama kumpulan ini dapat meneruskan kehidupan di kawasan perkampungan komuniti yang telah dihuni sekian lama (Chin et al., 2021).

Walau bagaimanapun, risiko yang dihadapi oleh para pekebun kecil dalam industri ini masih lagi tidak diketengahkan secara meluas. Matlamat ke arah kelestarian pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia sukar direalisasikan melainkan jika mereka memiliki rangkaian kerjasama yang luas dan ditaja oleh pihak berkuasa tempatan. Selain itu, sebarang inisiatif mahupun perubahan bagi meningkatkan daya saing pekebun kecil boleh dilaksanakan jika aspek persekitaran ditambah baik dan pengukuran polisi terfokus kepada implikasi sosial yang lebih besar bagi pertumbuhan tanah memberi faedah kepada sebilangan besar peladang sawit berskala kecil (Abideen et al., 2023).

## Cabaran Kualiti Kehidupan Pekebun Kecil Sawit

Justeru, antara cabaran yang telah dikenal pasti dihadapi oleh para pekebun kecil adalah seperti berikut:

### 1. Perubahan Iklim

Isu perubahan iklim yang hangat dibincangkan pada masa ini turut memberi cabaran buat pekebun kecil kerana perubahan iklim memberikan kesan kepada kualiti pengeluaran buah, wabak, serangga perosak dan juga produktiviti para pekebun kecil. Apabila situasi semasa tidak sesuai bagi pertumbuhan kelapa sawit seperti suhu melampau, kekurangan air, maka pokok akan menarik serangga perosak dan penyakit yang memberi kesan kepada jumlah hasil yang lebih rendah (Abu Bakar & Ishak, 2022). Sementara itu, kes penebangan hutan secara berleluasa adalah halangan yang perlu dihadapi oleh para pekebun kecil.

### 2. Pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO)

Kesedaran terhadap alam sekitar mengikut peningkatan skala industri kelapa sawit telah mencetuskan satu pendekatan baharu pengeluaran kelapa sawit dan pensijilan RSPO pada tahun 2004. RSPO telah ditubuhkan pada tahun 2004 oleh pihak berkepentingan daripada pelbagai kumpulan termasuklah wakil daripada sektor swasta, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan juga para pelabur. Ia adalah satu bentuk program pensijilan bagi membangun dan

melaksanakan piawaian global untuk keamanan industri kelapa sawit (*Laman Sesawang Roundtable on Sustainable Palm Oil*). Walau bagaimanapun terdapat isu yang melingkari pekebun kecil berkaitan RSPO. Kebanyakan pekebun kecil tidak mendalami dengan sebaiknya piawaian pensijilan RSPO dan keadaan ini memberi kesan kepada amalan kelestarian oleh pekebun kecil dalam industri ini. Walaupun penyertaan dalam perolehan pensijilan bersifat sukarela, namun tekanan daripada pasaran antarabangsa memerlukan pengeluar bagi komoditi pertanian untuk mematuhi piawaian kelestarian jika ingin menembusi pasaran antarabangsa. Kebanyakan daripada pekebun kecil sanggup untuk mengambil bahagian dalam skim pensijilan jika memperolehi faedah dalam aspek kewangan. Realitinya, skim pensijilan ini dibangunkan oleh kumpulan atasan di rangkaian bekalan seperti agensi kerajaan, NGO dan industri dengan input yang sangat terhad daripada kumpulan yang berada di bawah yang kebanyakannya adalah dalam kalangan pekebun kecil (Apriani et al., 2020 & Rahmat, 2021).

### 3. Pendidikan dan Kemahiran

Pendidikan dan perolehan kemahiran yang konsisten amat penting bagi memastikan daya saing dan keupayaan para pekebun kecil menghadapi cabaran daripada ketidaktentuan situasi semasa (Chin et al., 2021). Latihan dan kemahiran yang diberikan kepada para pekebun kecil dapat meningkatkan produktiviti dan sangat signifikan dalam pengurusan ladang. Tambahan itu, latihan dan kemahiran adalah aspek penting untuk menerokai kemahiran baharu seperti teknik penanaman semula kelapa sawit serta kaedah pembenihan berkualiti, kawalan serangga perosak dan sistem perairan yang menjadi penentu kepada penghasilan buah sawit yang berkualiti. Terdapat isu hak milik tanah yang menjadi konflik di antara para pekebun kecil dan juga pekebun berskala besar. Dalam isu pemilikan tanah, terdapat pertikaian kontrak apabila pekebun kecil tidak memahami dengan sebaiknya terma kontrak tersebut dan berlaku juga situasi lain iaitu perjanjian yang tidak jelas ataupun berat sebelah (Qaim et al., 2020). Dalam situasi ini, aspek pendidikan memainkan peranan agar kumpulan ini dapat memelihara dan memahami dengan sebaiknya hak mereka sebagai peladang yang

menguruskan tanaman dan tuaian. Keadaan ini berlaku berikutan terdapat segelintir daripada pekebun kecil yang tidak berpeluang untuk mengikuti kursus dan latihan yang disediakan oleh agensi berkaitan disebabkan status mereka sebagai kumpulan indigenous ataupun tidak memiliki saluran untuk perolehan maklumat. Pendidikan juga penting untuk mengelakkan mereka daripada terus ditindas dan dieksploitasi oleh pihak ketiga yang bersifat kapitalis. Walaubagaimanapun, hanya segelintir sahaja pekebun kecil yang memiliki tahap pendidikan tinggi iaitu STPM dan ke atas (Applanaidu et al., 2021).

#### 4. Sumber dan Sokongan Teknikal

Sistem sokongan teknikal dan sumber yang cukup menjadi faktor utama yang memangkin keupayaan dan produktiviti pekerja dalam industri ini. Walau bagaimanapun, salah satu isu utama yang dilalui oleh para pekebun kecil adalah ketidakcukupan akses kepada sokongan teknikal dan sumber yang diperuntukkan oleh agensi kepada para pekebun kecil. Mereka menghadapi kekurangan modal untuk penanaman semula, pembelian baja dan racun, memotong pelepah, dan juga mengutip hasil adalah masalah yang menghalang para pekebun kecil untuk meningkatkan hasil pengeluaran minyak kelapa sawit. Situasi ini juga menyekat mereka daripada mengeksport kelapa sawit ke peringkat global. Di samping itu, mereka memiliki akses yang terhad terhadap perolehan baja selain tidak mampu untuk melaksanakan kawalan kimia ke atas tanaman mereka berikutan kos yang tinggi. Oleh sebab itu, pekebun kecil kurang produktif berbanding pekebun berskala besar (Tambi et al., 2021).

Perbincangan terhadap empat (4) isu utama yang dihadapi oleh para pekebun kecil telah menunjukkan bahawa produktiviti para pekebun kecil memiliki hubungan yang signifikan dengan isu utama ini. Jika isu ini tidak diperhalusi secara terperinci, maka pekebun kecil akan menghadapi kesukaran untuk kekal berdaya saing dalam industri dan akhirnya menjejaskan tahap sosioekonomi mereka. Justeru, isu ini perlu ditangani dengan sebaiknya oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, NGO, sektor korporat dan akademik. Sektor korporat adalah pihak yang sesuai untuk membantu menangani

situasi ini melalui pelbagai kaedah dan cara antaranya adalah integrasi ESG dalam operasi harian dan pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk merealisasikannya.

## Peranan Sektor Korporat

Sektor korporat adalah sektor penting yang mencorakkan lanskap kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sektor korporat berperanan untuk meningkatkan KDNK negara selain menjadi enjin bagi pembangunan berimpak. Selain itu, masyarakat turut memperoleh manfaat daripada sektor ini melalui penciptaan peluang pekerjaan dan penglibatan langsung dalam program kemasyarakatan menerusi aktiviti CSR. Selain itu, peningkatan kemusnahan alam sekitar, salah laku korporat, buruh kanak-kanak serta cabaran ekonomi, sosial dan alam sekitar telah mendorong kepada tekanan dalaman dan luaran ke atas firma untuk bertanggungjawab dengan isu-isu ini. Tekanan dalaman yang datang daripada pelabur, pekerja, pelanggan, pembekal dan tekanan daripada pihak luaran seperti penggubal dasar dan badan perundangan memaksa firma untuk memperakui kepentingan kelestarian dan mengetengahkan isu ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mereka (Jamil et al., 2020). Berdasarkan Yusliza et al. (2019), telah menjadi satu kemestian bagi mana-mana organisasi untuk bertanggungjawab, bukan sahaja kepada alam sekitar malahan juga berkelakuan bertanggungjawab dalam aspek sosial untuk mencapai matlamat ekonomi.

Dalam teori pihak berkepentingan, terdapat beberapa kumpulan pihak berkepentingan yang perlu diberi perhatian dan firma seharusnya mewujudkan hubungan yang baik dengan kumpulan ini bagi memastikan kelancaran operasi dan daya saing syarikat. Hubungan ini diwujudkan berdasarkan tanggungjawab sektor korporat dan memenuhi kehendak pihak berkepentingan (Friedman, 2002). Teori ini mencadangkan agar sektor korporat menyumbang sebanyak mungkin nilai kepada pihak berkepentingan. Enam (6) kumpulan utama pihak berkepentingan yang berkaitan dengan sektor korporat adalah pemegang taruh, masyarakat, pelanggan, pembekal dan pengedar, pekerja dan kerajaan. Kesemua kumpulan ini memiliki hubungan langsung dengan sektor korporat. Sungguhpun objektif sektor korporat adalah untuk memaksimumkan keuntungan, namun pada masa yang sama sektor korporat tidak boleh

mengabaikan kehendak sosial daripada masyarakat. Hal ini kerana teori pihak berkepentingan membawa paradigma bahawa nilai dan jangkaan sosial adalah aspek penting yang tidak seharusnya diabaikan oleh sektor korporat jika ingin mencapai kejayaan dan kemapanan operasi. Pertimbangan dimensi sosial dan etika dalam setiap aktiviti organisasi adalah pra-syarat untuk pembangunan sosial dan etika sektor korporat yang bertanggungjawab (Radzi, 2019).

Justeru, berdasarkan prinsip yang telah dinyatakan dalam Teori Pihak Berkepentingan, firma sektor korporat perlu meletakkan kepentingan pihak ini dan jangkaan mereka agar operasi berjalan lancar dan terus kekal berdaya saing. Justeru, bagi mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan, perkara yang perlu dilaksanakan adalah mengintegrasikan ESG dalam operasi harian perniagaan mereka. ESG adalah satu kerangka yang diterapkan oleh organisasi yang mencipta nilai serta pengurusan risiko kepada organisasi dan pemegang taruh. Salah satu inisiatif yang berada di bawah elemen sosial adalah inisiatif CSR. Lazimnya, beberapa agenda di bawah pelaksanaan aktiviti CSR meliputi keselamatan pekerja, perubahan iklim, ekonomi, komuniti, dan alam sekitar.

JADUAL 9.3 Inisiatif CSR dalam kalangan sektor korporat di Malaysia

Inisiatif CSR	Fokus
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keselamatan proses dan individu</li><li>• Kesiediaan terhadap kecemasan</li><li>• Amalan dan polisi pekerjaan</li><li>• Program dan faedah pekerja</li></ul>
Perubahan Iklim	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelepasan gas rumah hijau</li><li>• Kecekapan tenaga</li><li>• Kecanggihan teknologi</li><li>• Perbincangan dasar awam</li></ul>
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sektor tenaga tempatan</li><li>• Kepelbagaian ekonomi</li><li>• Pertumbuhan pekerjaan sektor awam</li><li>• Pembangunan tenaga kerja</li><li>• Pengurusan rantaian bekalan</li><li>• Ketelusan</li></ul>



---

Komuniti	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendidikan</li><li>• Kesihatan</li><li>• Keselamatan</li><li>• Kesejahteraan komuniti</li><li>• Pengenalpastian aspek sosioekonomi</li><li>• Hak asasi manusia</li><li>• Kumpulan peribumi</li></ul>
Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kepimpinan alam sekitar</li><li>• Kelestarian operasi dan produk</li><li>• Perlaksanaan penilaian impak</li><li>• Pengurusan air bersih</li><li>• Pencegahan kebocoran dan limpahan</li><li>• Pemulihan alam sekitar</li></ul>
Jangkaan terhadap inisiatif CSR berasaskan program pendidikan oleh syarikat korporat di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kebanyakan syarikat korporat di Malaysia menyedari kepentingan pembangunan pendidikan di Malaysia. Hal ini dibuktikan melalui penyediaan peruntukan yang besar terhadap inisiatif CSR berasaskan aktiviti pendidikan. Selain itu, syarikat korporat turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan di Malaysia. Senario ini memberikan indikator positif ke arah mencapai matlamat kelestarian pendidikan di Malaysia.</li></ul>

---

*Sumber:* Laporan Tahunan Sektor Korporat di Malaysia

Berdasarkan Jadual 9.3, didapati sektor korporat melaksanakan pelbagai program di bawah fokus bidang utama inisiatif CSR. Justeru, dalam konteks pekebun kecil sawit, firma berkaitan industri sawit seperti Sime Darby Plantation, Felda, IOI Group, dan Kuala Lumpur Kepong (Laman Sesawang *Malaysian Palm Oil Council*) perlu mengenal pasti apakah inisiatif dan kaedah terbaik untuk menangani kemelut yang dilalui oleh pekebun kecil sawit.

## Strategi Pembangunan Kualiti Kehidupan Pekebun Kecil Sawit

Terdapat beberapa pilihan strategi yang boleh dilaksanakan bagi memastikan daya saing dan kemapanan pekebun kecil terjamin. Antara inisiatif yang perlu dipertimbangkan oleh firma adalah seperti huraian berikut:

## 1. Program Latihan dan Kemahiran

Untuk meningkatkan keupayaan dalam pekerjaan supaya produktiviti pekerja sentiasa optimum, pekebun kecil disaran untuk sentiasa mengikuti program latihan dan kemahiran. Program ini meliputi pelbagai aspek yang berkaitan dengan perladangan serta kemahiran lain yang dijangka mampu meningkatkan kualiti modal insan pekebun kecil. Program seumpama ini dapat memberi tambahan nilai dan memperkaya pengalaman sedia ada individu untuk terus memajukan aktiviti perladangan. Selain daripada program kemahiran yang berteraskan aktiviti perladangan, program latihan dan kemahiran yang meliputi aspek kemahiran hidup lain seharusnya perlu dilaksanakan dengan lebih giat lagi. Hal ini bagi menyediakan peluang para pekebun kecil untuk meningkatkan potensi diri individu selain sebagai persediaan untuk menghadapi situasi ketidakpastian pasaran komoditi sawit. Oleh itu, firma korporat diharap dapat melaksanakan program latihan dan kemahiran jangka masa panjang dan pendek yang lebih meluas agar dapat diikuti oleh pekebun kecil sawit.

## 2. Pendidikan

Pendidikan adalah aspek penting yang menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat (Aman, 2022). Manakala teori modal insan yang dipelopori oleh Becker dan Mincer membuktikan penyertaan dalam pendidikan dan kemahiran akan menentukan jumlah perolehan pendapatan ketika bekerja nanti. Oleh yang demikian, setiap individu perlu memiliki keinginan untuk meningkatkan kapasiti diri individu dengan meningkatkan taraf pendidikan mereka. Usaha sektor korporat untuk meningkatkan kualiti individu adalah dengan menyediakan peluang dan platform untuk para pekebun kecil meningkatkan kualiti diri mereka melalui pendidikan. Firma korporat perlu mengenal pasti institusi yang boleh berkolaborasi untuk memberi peluang kepada pekebun kecil mahupun ahli keluarga mereka untuk memperoleh pendidikan, dan juga pemberian biasiswa bagi mereka yang layak. Bantuan jangka masa panjang yang telah diberikan oleh firma korporat akan memberikan impak yang sangat besar kepada pekebun kecil dan juga ahli keluarga mereka.

### 3. Inovasi

Teknologi dan inovasi terkini amat diperlukan oleh para pekebun kecil untuk meningkatkan kecekapan dan meningkatkan nilai ekonomi. Walaubagaimanapun, segelintir daripada pekebun kecil tidak mengetahui dan mampu untuk mengaplikasikan teknologi terkini berikutan kekurangan pengetahuan dan kos yang tinggi. Justeru, keadaan ini perlu digunakan dengan sebaiknya oleh firma korporat dengan memperkenalkan serta melatih para pekebun kecil teknologi dan inovasi terkini bagi meningkatkan kapasiti penanaman dan penghasilan produk sawit yang optimum dan berkualiti tinggi. Firma korporat memiliki sumber yang mencukupi untuk menguasai inovasi dan teknologi terkini melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kerjasama dengan institusi penyelidikan tempatan. Justeru, kelebihan ini perlu dikongsi kepada pekebun kecil bagi membangunkan industri sawit agar lebih kompetitif dan berdaya saing.

### 4. Pengurusan Kewangan dan hartanah

Pengurusan kewangan dan hartanah kedua-duanya memainkan peranan dalam kehidupan seharian para pekebun kecil. Mereka perlu mengetahui ilmu ini dengan sebaiknya bagi memastikan keadaan ekonomi serta hak mereka terjamin walaupun ketika menghadapi cabaran. Para pekebun kecil perlu tahu bagaimana untuk menguruskan kewangan dengan sebaiknya kerana harga komoditi adalah tidak kekal tinggi. Pada masa yang sama, ada keadaan cuaca yang tidak mengizinkan untuk para peladang menuai hasil. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi jumlah perolehan pendapatan pekebun. Isu pemilikan tanah perusahaan juga amat sinonim dengan pekebun kecil. Situasi yang tidak diingini berlaku apabila pekebun kecil tidak mengetahui dan memahami tentang hak dan kuasa pemilikan tanah perusahaan yang akhirnya akan memberikan kerugian kepada peladang kecil dan menimbulkan pertelingkahan dengan pihak lain. Oleh itu, amat wajar bagi firma korporat memberikan pendedahan melalui penganjuran kursus pensijilan jangka masa pendek yang perlu dihadiri oleh para pekebun kecil. Modul kursus ini perlu meliputi dan menekankan prinsip dan amalan

bagi pengurusan kewangan dan hartanah yang boleh diaplikasikan oleh pekebun kecil dalam kehidupan seharian mereka.

#### 5. Teknik Tanaman

Teknik tanaman yang betul dan berkesan dapat menghasilkan buah yang berkualiti dan boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi. Firma korporat yang berskala besar lebih mengetahui teknik tanaman yang lebih bersesuaian dengan faktor cuaca dan sistem perairan. Pengetahuan dan pengalaman daripada firma korporat amat diperlukan dalam menangani permasalahan yang dialami oleh pekebun kecil berkaitan dengan teknik tanaman. Perkongsian, tunjuk ajar dan bimbingan oleh firma korporat mampu meningkatkan keupayaan pekebun kecil untuk meneruskan aktiviti penanaman sawit dan mengelakkan mereka daripada keciciran dalam mengadaptasi teknik terbaharu yang akhirnya akan memberikan impak kepada industri sawit dan kualiti kehidupan peladang tersebut. Selain teknik tanaman pokok kelapa sawit, para pekebun kecil juga harus didedahkan dengan tanaman selingan yang sesuai dilakukan bagi membantu kesuburan tanah, mendukung matlamat kelestarian alam sekitar serta memberikan pendapatan sampingan kepada pekebun kecil.

#### 6. Bantuan Dana

Pekebun kecil sawit bergantung kepada dana bagi meneruskan aktiviti perladangan, penuaian hasil dan juga pengeluaran. Selain itu dana yang mencukupi amat diperlukan bagi membeli peralatan sokongan untuk perladangan seperti benih yang berkualiti, baja, racun, peralatan menuai dan kos pengangkutan. Justeru, firma korporat digalakkan untuk meningkatkan intensiti penyediaan dana ataupun pinjaman yang dapat memberi manfaat kepada para pekebun. Dana ini amat signifikan untuk memastikan pekebun kecil terus berdaya saing dan meningkatkan keupayaan mereka untuk terus kekal dalam industri.

## 7. Akses Maklumat

Dalam situasi lain, segelintir pekebun tidak mengetahui peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan mahupun firma korporat berikutan kekurangan akses terhadap maklumat ataupun kelemahan koordinasi dalam menyampaikan maklumat. Keadaan ini akan memberi kesan terhadap kumpulan pekebun yang akan ketinggalan dalam aspek produktiviti penanaman dan pengeluaran. Akses terhadap maklumat terkini amat penting dalam menghadapi situasi perubahan iklim iaitu perubahan cuaca yang melampau. Maklumat ini membantu para pekebun merancang aktiviti perladangan untuk mengadaptasi dengan situasi tersebut. Maka, peranan firma korporat untuk menangani isu ini adalah dengan membangunkan serta menyediakan platform bagi perolehan akses maklumat yang terkini, komprehensif serta mudah digunakan oleh pekebun.

Kerjasama sektor korporat dalam menangani isu yang dihadapi oleh pekebun kecil memberikan sumbangan besar dalam meningkatkan kualiti kehidupan pekebun kecil. Dalam aspek lain, usaha yang dilakukan membuktikan komitmen korporat dalam isu kemasyarakatan selain melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warga yang prihatin. Usaha ini perlu konsisten dan memerlukan koordinasi daripada pelbagai pihak agar matlamat inisiatif tercapai, terutamanya kepada golongan sasaran serta tidak disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pada masa yang sama, inisiatif yang dilakukan bagi membantu pekebun kecil dapat menyangkal dakwaan segelintir pihak yang menyatakan bahawa sektor korporat hanya mementingkan keuntungan dengan mengeksploitasi kumpulan pekerja bawahan.

## Masa Depan Pekebun Kecil Sawit

Industri kelapa sawit tidak hanya bergantung kepada pekebun dan pengeluar berskala besar, malahan pekebun kecil kelapa sawit turut memainkan peranan dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing industri kelapa sawit di Malaysia dan juga negara pengeluar yang lain. Oleh yang demikian, Zakaria et al. (2022), menegaskan bahawa sistem yang cekap perlu diwujudkan segera bagi mengatasi isu yang dihadapi

oleh pekebun kecil dan mereka dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam aktiviti perladangan. Koordinasi dan kerjasama oleh pelbagai pihak perlu diwujudkan bagi memastikan usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekebun kecil dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Masih banyak yang perlu dilaksanakan dari setiap sudut antaranya adalah pengukuhan pengetahuan, kemahiran, infrastruktur, fasiliti, teknologi pertanian terhadap, dan struktur institusi yang kukuh dengan insentif yang mencukupi untuk meningkatkan kapasiti mereka terhadap kemapanan. Selain itu, satu sistem dan polisi pertanian yang teguh dan boleh dilaksanakan yang memfokuskan pekebun kecil sawit perlu direka bentuk bagi membina dan memperkukuh kapasiti mereka. Hal ini penting untuk mencipta perubahan yang signifikan dalam amalan aktiviti pertanian di kalangan pekebun kecil sawit bagi peningkatan produktiviti dan kehidupan yang lebih baik.

Usaha untuk meningkatkan kualiti pekebun kecil sawit harus konsisten bagi memastikan mereka terus berdaya tahan dan mapan untuk menghadapi cabaran semasa dalam ketidaktentuan pasaran komoditi. Pemerksaan pekebun kecil sememangnya amat penting agar dapat menarik minat generasi muda untuk menyertai aktiviti perladangan dengan kaedah yang lebih terkini dan perolehan yang lebih tinggi. Penyertaan generasi muda dalam aktiviti ini amat penting bagi memastikan kelestarian aktiviti perladangan dan paling penting sekali mengurangkan pergantungan industri terhadap buruh asing. Generasi muda juga diharapkan dapat mengaplikasikan teknik tanaman dengan aplikasi teknologi serta sistem penuaian dan pemasaran yang lebih efisien. Pada masa yang sama, golongan muda adalah generasi yang diharapkan dapat mengintegrasikan dan memahami sebaiknya amalan kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial yang diperlukan selaras dengan keperluan badan antarabangsa agar produk mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa. Masih banyak lagi ruang penambahbaikan untuk meningkatkan keupayaan pekebun kecil sawit. Perkara paling utama adalah bagi memastikan pekebun kecil ini kekal relevan dan berdaya saing mengikut arus semasa.

## Kesimpulan

Industri sawit di Malaysia adalah industri yang kompetitif dan antara sektor pertanian yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, industri ini juga turut memberi peluang kepada ahli masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui penglibatan secara kecil-kecilan mahupun bersama dengan syarikat dalam konteks skala yang besar. Walaupun dihujani dengan pelbagai kontroversi dan tekanan daripada pihak luar, agensi dalaman yang berkaitan komited untuk menepis segala dakwaan dan berusaha untuk membangunkan sistem perladangan, pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran kelapa sawit yang mematuhi piawaian antarabangsa. Namun begitu, pekebun kecil turut menghadapi cabaran tersendiri dan kumpulan ini tidak boleh diabaikan kerana turut membantu dalam merencanakan industri sawit negara. Oleh yang demikian, selain agensi kerajaan dan NGO, sektor korporat adalah pihak penting yang boleh membantu mengatasi isu dan permasalahan para pekebun kecil ini.

Melalui kapasiti firma korporat yang lebih teguh dan pemilikan sumber yang cukup adalah satu perkara yang tidak mustahil untuk firma korporat ini turut serta membangunkan dan memajukan pekebun kecil sawit di Malaysia. Hal ini amat relevan memandangkan pihak korporat perlu mencipta nilai dalam operasi perniagaan dengan memenuhi jangkaan dan bertanggungjawab kepada pihak berkepentingan iaitu masyarakat melalui pelaksanaan inisiatif tanggungjawab sosial korporat bagi merealisasikan pematuhan ESG. Justeru, pelan tindakan yang komprehensif dan berkesan daripada sektor korporat, NGO, agensi berkaitan dan akademik perlu dibangun dan dilaksana agar isu yang melingkari pekebun kecil sawit dapat dirungkai dan akhirnya membawa kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kehidupan pekebun kecil. Usaha ini adalah salah satu langkah yang dilaksanakan bagi menjayakan matlamat pembangunan lestari (SDG) yang menjadi manifesto ke arah masa depan yang lebih mapan.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kursi Endowmen MPOB-UKM yang telah memberikan peluang untuk menulis bab ini.